

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

**PLG 454 - Penerbitan Rancangan-Rancangan Pendidikan**

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** (6) soalan semuanya.

**Bahagian A**

**Arahan :**

- [1] Bahagian ini mengandungi **LIMA** (5) soalan.  
[2] Jawab Soalan 1, dan **DUA** (2) soalan lain.

1. Jelaskan istilah-istilah berikut berkaitan dengan penerbitan rancangan audio :

- (a) 'segue'
- (b) ubahkaha silang (cross-fade)
- (c) akustik
- (d) 'vox-pop'
- (e) 'perspective'

[20 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan dengan kesan bunyi? Terangkan fungsinya dalam penerbitan rancangan audio.

[15 markah]

3. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai jelaskan tiga format rancangan audio.

[15 markah]

4. Theroux (1978) menyarankan beberapa prosedur untuk memperbaiki dan meningkat tahap keberkesaan program audio khasnya program radio pendidikan. Bincangkan prosedur-prosedur yang disarankannya.

[15 markah]

5. Penulisan drama radio mempunyai perkaitan yang hampir sama dengan konsep penulisan drama-drama lain. Apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara keduanya?

[15 markah]

Bahagian B

Arahan :

- [1] Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan.  
[2] Jawab Soalan 6, dan DUA (2) soalan lain.

6. Dalam penerbitan rancangan video, jelaskan istilah-istilah berikut :

- (a) 'white-balance'
- (b) 'jump-cut'
- (c) 'super-impose'
- (d) 'cross-line'
- (e) 'fade'

[20 markah]

7. Bincangkan kelebihan dan kekurangan video sebagai media pendidikan.

[15 markah]

8. Anda akan mengajar satu tajuk dalam satu matapelajaran dan bercadang menggunakan program video sebagai alat bantu mengajar. Cadangkan satu pendekatan yang akan digunakan bagi mencapai keberkesanannya.

[15 markah]

9. Senaraikan jenis-jenis syot dalam penerbitan video dan nyatakan kegunaan setiap syot tersebut dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

[15 markah]

10. Perkembangan pesat teknologi televisyen bermula di awal tahun 1940an. Nyatakan perkembangan-perkembangan terpenting dalam teknologi televisyen dan video dari tarikh tersebut hingga sekarang.

[15 markah]